Utusan Borneo: 04 November 2026

Dua sahabat curi enjin motosikal dikenakan hukuman penjara setahun

MIRI: Dua sahabat masing-masing dijatuhi hukuman penjara setahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencuri sebuah enjin motosikal.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah kedua-dua tertuduh, rayuan mereka, fakta kes, keseriusan kesalahan serta kepentingan awam.

Tertuduh, Awang Irfan Mahzuz Awang Zamberi, 27, dan Iman Zulhakim Abdullah Roslan, 26, kedua-duanya dari Bandar Baru Permyjaya di sini, didakwa mengikut Seksyen 379A (1) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi tujuh tahun serta boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, kedua-dua tertuduh didapati telah mencuri sebuah enjin motosikal milik seorang lelaki, Antas Brayun, 36, pada jam 3.28 pagi, 29 Oktober lalu di hadapan sebuah rumah di Lorong 2 Quadruplex Bandar Baru Permyjaya.

Perbuatan mereka itu dirakam kamera litar tertutup yang dipasang di tempat kejadian sebelum beredar dengan menunggang dua basikal sambil membawa bersama enjin motosikal yang dicuri.

Kedua-duanya mengaku mencuri enjin tersebut daripada sebuah motosikal yang diletakkan di hadapan rumah tidak berpagar di kawasan berkenaan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.